

KERTAS BIL. 12/2020



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR MENGENAI PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN ATAS TALIAN (E-DAGANG)
UNTUK PENIAGA KECIL DI NEGERI SELANGOR**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	3
2	Latar Belakang	3
3	Taklimat Oleh Wakil Pejabat Exco Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa Dan Kampung Tradisi	4
4	Taklimat Oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Seksyen Sektoral	4
5	Taklimat Oleh Hijrah Selangor	5
6	Taklimat Oleh <i>Selangor Information Technology And E-Commerce Council (SITEC)</i>	6
7	Penemuan Jawatankuasa	7
8	Saranan Jawatankuasa	8
9	Perakuan	8
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	9
	Urus Setia	9
	Senarai Wakil Agensi / Individu Yang Berkaitan	10

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI PEMBANGUNAN PERNIAGAAN ATAS TALIAN (E-DAGANG) UNTUK PENIAGA KECIL DI NEGERI SELANGOR

1. PENDAHULUAN

Penyata ini adalah bertujuan untuk mengkaji pembangunan Perniagaan Atas Talian (E-dagang) untuk peniaga kecil di Negeri Selangor. JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali iaitu pada 6 Mei 2020 dan 20 Mei 2020. Dalam mesyuarat pertama selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penyebaran wabak Covid-19 iaitu pada 6 Mei 2020, Ahli Jawatankuasa telah membincangkan isu-isu kemiskinan yang semakin meningkat selepas pelaksanaan PKP terutama golongan peniaga kecil. JPK-Pembasmian Kemiskinan telah bersetuju untuk menjemput agensi yang berkaitan untuk memberi taklimat tertutup bagi memberi pencerahan mengenai isu-isu berbangkit berkaitan peniaga kecil dari aspek pembangunan perniagaan Atas Talian (E-dagang) kepada golongan tersebut di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat Bil 7/2020 pada 6 Mei 2020 dan telah mengenalpasti isu berkaitan pembangunan Perniagaan Atas Talian (E-dagang) untuk peniaga kecil di Negeri Selangor. Jawatankuasa telah bersetuju menjemput EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa Dan Kampung Tradisi, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Seksyen Sektoral, Hijrah Selangor, dan *Selangor Information Technology And E-commerce Council (SITEC)* pada 20 Mei 2020 (mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 9/2020) dihadiri oleh ahli-ahli berikut:
1. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Bukit Gasing)
 2. Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin
(ADN Permatang)
 3. Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni
(ADN Sungai Kandis)
 4. Y.B Tuan Chua Wei Kiat
(ADN Rawang)
 5. Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof
(ADN Dusun Tua)
 6. Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin
(ADN Sungai Panjang)

3. TAKLIMAT OLEH WAKIL PEJABAT EXCO PEMBANGUNAN USAHAWAN, PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, DESA DAN KAMPUNG TRADISI

- 3.1 Jawatankuasa mengambil maklum kerjasama di antara Exco Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa Dan Kampung Tradisi, Y.B Puan Rodziah Binti Ismail, bersama Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk mewujudkan Klinik Usahawan kepada usahawan yang tidak memenuhi syarat untuk menerima bantuan dari kerajaan pusat melalui agensi dan Bank Negara.
- 3.1.1 Klinik Usahawan merangkumi kursus untuk membantu usahawan/peniaga kecil melaksanakan pemasaran secara online namun kursus ditangguhkan selepas pelaksanaan PKP dan kelas akan diteruskan secara Atas Talian.
- 3.2 Jawatankuasa juga mengambil maklum akan perancangan Y.B. EXCO untuk mengadakan kerjasama bersama pihak Bank Negara dalam memberi pendidikan pengurusan kewangan kepada usahawan.
- 3.3 Menurut wakil Y.B. EXCO, buat masa ini belum ada statistik untuk membuat anggaran peratusan usahawan yang memerlukan bantuan untuk menjalankan perniagaan secara atas talian.

4. TAKLIMAT OLEH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN), SEKSYEN SEKTORAL

- 4.1 Jawatankuasa mengambil maklum mengenai perancangan UPEN untuk merangka Selangor Economic Reform untuk dibentangkan kepada pihak kerajaan mengenai pelan/program yang berpotensi untuk memulihkan ekonomi di Selangor yang terjejas selepas penularan wabak Covid-19.
- 4.1.2 Buat masa ini, pihak UPEN masih di peringkat perbincangan yang melibatkan kerjasama pihak konsultan dan secara umum, cadangan tersebut akan meliputi pemain industri dan SMEs dengan objektif meminimakan kesan jangka panjang.
- 4.2 Jawatankuasa juga mengambil maklum mengenai beberapa maklumat mengenai isu pembangunan perniagaan secara Atas Talian (*Online Business/E-commerce*) dalam membantu peniaga kecil/usahawan di Selangor.
- 4.2.1 Pihak UPEN memaklumkan belum ada kajian terperinci mengenai jenis perniagaan yang boleh dijalankan secara Atas Talian dan Jenis Perniagaan yang tidak boleh dijalankan secara atas talian. Namun secara umum, perniagaan Atas Talian bergantung kepada kemampuan servis penghantaran kepada pelanggan.

- 4.2.2 Pihak UPEN juga memaklumkan tiada statistik secara terperinci mengenai jumlah usahawan/peniaga kecil yang memerlukan bantuan untuk menjalankan secara Atas Talian namun UPEN bersetuju anggaran jumlah dari golongan tersebut melebihi angka seratus ribu (100,000).
- 4.2.3 UPEN memaklumkan jumlah keseluruhan penjaja/peniaga yang didaftarkan dan dilesenkan dibawah PBT di Selangor berjumlah 80,000.
- 4.3 Wakil UPEN telah mengemukakan status terkini berhubung dengan *Selangor Digital E-Supply Chain* (SELDEC) yang melibatkan kerjasama bersama PKNS, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Koperasi Warga Hijrah Selangor (KOHIJRAH) dengan MMAG Holding Berhad seperti berikut:
- 4.3.1 Kerajaan Selangor telah membangunkan pelantar atas talian sebagai satu inisiatif kerajaan untuk membantu usahawan/peniaga kecil termasuk golongan petani di kawasan luar bandar untuk menjalankan perniagaan secara atas talian yang akan dilengkapi dengan servis penghantaran.
- 4.3.2 Secara rasminya SELDEC masih lagi belum beroperasi tetapi sudah pun dilancarkan pada 3 Oktober 2019 dan pada awalnya, ia khusus untuk meningkatkan ekonomi pertanian di Sabak Bernam dan di Kuala Selangor namun ia telah diperluaskan meliputi seluruh Negeri Selangor.
- 4.3.3 SELDEC membolehkan para petani luar bandar memasarkan produk secara atas talian dan proses jual beli dapat dilakukan secara terus diantara petani dan pembeli.
- 4.3.4 Dasar pelaksanaan polisi SELDEC sudah pun mencapai tahap akhir dan sistem yang bakal digunakan telah pun wujud dan dibuka untuk pendaftaran oleh pihak penjual dan pembeli.

5. TAKLIMAT OLEH HIJRAH SELANGOR

- 5.1 Jawatankuasa telah mengambil maklum langkah dan perancangan yang disediakan oleh HIJRAH dalam membantu rakyat yang terjejas akibat pelaksanaan PKP bagi menangani Covid-19 seperti berikut:-
- 5.1.1 Menangguhkan terlebih dahulu bayaran balik pinjaman atau *moratorium* kepada peminjam. Ini telah melibatkan seramai 40,000 peminjam meliputi pelbagai jenis perniagaan dengan jumlah kos yang perlu ditanggung oleh HIJRAH adalah sebanyak RM70 juta bagi meringankan beban para usahawan.

- i. HIJRAH memaklumkan amaun pinjaman kepada usahawan adalah bergantung kepada saiz dan jenis perniagaan dan julat jumlah pinjaman adalah di antara RM1,000 hingga RM5,000.
 - ii. HIJRAH juga memaklumkan pembayaran dan pemberian pinjaman yang ditangguh selepas pelaksanaan PKP akan bermula semula pada bulan Jun.
- 5.1.2 Memberikan fokus terhadap program *Zero to Hero* dengan mewujudkan sistem mentor dan mentee serta dibekalkan modal perniagaan bersama demi membantu usahawan-usawahan baru.
- i. Jawatankuasa mengambil maklum berkenaan penambahan staf untuk pelaksanaan program *Zero to Hero* bermula bulan Jun.
- 5.1.3 Mewujudkan program *E-Kitchen* dengan menyasarkan lebih 100 peniaga yang akan terlibat serta menawarkan pembiayaan mudah tanpa faedah dari RM3,000 hingga RM5,000 bagi mereka yang layak.
- 5.1.4 Bersedia untuk memberi pertimbangan dan peluang kepada peniaga sekiranya tidak berupaya untuk membayar balik pinjaman dengan melanjutkan tempoh pembayaran sehingga 5 tahun.
- 5.1.5 Mewujudkan kerjasama dengan UPEN dalam penganjuran klinik pengurusan pembayaran hutang bagi para usahawan HIJRAH.
- 5.1.6 Menurut HIJRAH, hanya 316 usahawan dibawah HIJRAH sahaja yang berminat untuk mengikuti program yang dianjurkan oleh SITEC yang memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada peniaga memulakan perniagaan secara Atas Talian.

6. TAKLIMAT OLEH SELANGOR INFORMATION TECHNOLOGY AND E-COMMERCE COUNCIL (SITEC)

- 6.1 SITEC telah memaklumkan kepada Jawatankuasa berkenaan latihan e-dagang khusus bagi membantu usahawan dalam pengurusan dari aspek logistik, penghantaran, pengedaran produk dan sebagainya.
- 6.2 Selain itu, SITEC turut menganjurkan program jelajah usahawan serta latihan secara fizikal di DUN Bangi sebelum bermulanya pelaksanaan PKP dan meraih seramai 120 orang peserta.
- 6.3 SITEC memaklumkan bahawa mereka mengambil langkah untuk meneruskan program jelajah usahawan digital tersebut secara atas talian selepas pelaksanaan PKP dan masih dalam perbincangan untuk

bekerjasama dengan pusat khidmat DUN bergantung pada permintaan dari pusat khidmat masing-masing.

- 6.4 SITEC juga bercadang untuk menganjurkan program kepada rakyat yang tidak berpengalaman dalam mengurus perniagaan secara atas talian/e-dagang. Oleh yang demikian, bagi membimbing peserta tersebut SITEC akan membekalkan mentor yang berpengalaman kepada mereka yang terlibat.
- 6.5 SITEC memaklumkan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Shopee bagi membantu golongan usahawan/peniaga di Negeri Selangor yang terjejas selepas pelaksanaan PKP dengan memberi bantuan kepada mereka untuk memulakan perniagaan secara Atas Talian menggunakan pelantar Atas Talian Shopee.
 - i. Menurut SITEC, melalui kerjasama tersebut, telah wujud kempen e-bazaar yang memberi peluang kepada usahawan dari Selangor untuk memasarkan produk mereka di pelantar Shopee.
 - ii. Seramai 3,542 usahawan/peniaga mikro telah berjaya 'dimasukkan' ke dalam pelantar Shopee dengan bantuan SITEC dan melibatkan jualan sebanyak 1.8 juta dalam masa dua (2) minggu.
 - iii. Terdapat di antara mereka yang kebiasaannya mendapat keuntungan pendapatan berjumlah lebih kurang RM100 seminggu, telah berjaya meningkatkan jumlah keuntungan sehingga melebihi RM12,000 seminggu selepas menjalankan perniagaan secara Atas Talian.
 - iv. Menurut SITEC, data dan laporan terperinci mengenai peniaga Atas Talian dan status jualan mereka akan dihantar oleh pihak Shopee ke UPEN.

7. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 7.1 Jawatankuasa mendapati terdapat masih ramai peniaga kecil/usahawan di Negeri Selangor (anggaran tidak kurang 100,000 peniaga/usahawan menurut UPEN dan SITEC) tidak mendapat pendedahan secukupnya berkaitan kaedah penggunaan dan pengurusan perniagaan atas talian/e-dagang.
- 7.2 Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, Jawatankuasa menjangkakan bilangan peniaga kecil/usahawan di Negeri Selangor akan meningkat berpunca dari faktor sebilangan rakyat yang kehilangan punca pendapatan seperti diberhentikan pekerjaan atau perniagaan di premis yang tidak dapat beroperasi.

- 7.3 Jawatankuasa mendapati inisiatif dan perancangan yang dibentangkan oleh SITEC mempunyai potensi untuk membantu usahawan sedia ada lebih berkembang dan mampu membimbing rakyat yang berminat untuk menceburi dalam bidang perniagaan secara atas talian (*online*). Bilangan peniaga yang berjaya dimuat naik ke pelantar Shopee melalui program SITEC adalah rendah dan tidak mencakupi sebilangan besar peniaga kecil yang berpotensi di Selangor.

8. SARANAN JAWATANKUASA

- 8.1 Jawatankuasa mencadangkan supaya SITEC mensasarkan untuk menambah bilangan penerima manfaat program SITEC sehingga mencapai bilangan 100,000 peniaga kecil / usahawan yang menyertai perniagaan atas talian / syarikat e-dagang dan menambah peruntukan kewangan ke SITEC sekiranya diperlukan.
- 8.2 Jawatankuasa mencadangkan supaya kerajaan negeri dapat membantu para petani di negeri Selangor dalam memasarkan dan menjual hasil pertanian mereka melalui syarikat e-dagang.

9. PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa Dan Kampung Tradisi, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Seksyen Sektoral, Hijrah Selangor, dan *Selangor Information Technology And E-commerce Council* (SITEC) serta semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan dalam mesyuarat jawatankuasa bil. 10/2020 tarikh 2 Jun 2020.

Disahkan oleh:


Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas
Pembasmian Kemiskinan

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1) | Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Bukit Gasing) | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin
(ADN Permatang) | Ahli |
| 3) | Y.B Tuan Chua Wei Kiat
(ADN Rawang) | Ahli |
| 4) | Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof
(ADN Dusun Tua) | Ahli |
| 5) | Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni
(ADN Sungai Kandis) | Ahli |
| 6) | Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin
(ADN Sungai Panjang) | Ahli |
| 1) | Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman
(ADN Sabak) | Ahli |

URUS SETIA

- 1) Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar Setiausaha Bahagian (Dewan)
- 2) Encik Muhajirih bin Ahmad Penolong Setiausaha (Dewan)
- 3) Encik Mohamad Izad Syafiq Bin Ahmad Mashudi Pembantu Setiausaha Pejabat (Dewan)
- 4) Cik Siti Khadijah Binti Maarof Penyelidik
- 5) Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail Penyelidik

SENARAI WAKIL AGENSI / INDIVIDU YANG BERKAITAN

Wakil Y.B. EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa Dan Kampung Tradisi

- i) Encik Hanafi
Setiausaha Kanan

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Seksyen Sektoral

- i) Encik Amri binti Ismail
Timbalan Pengarah
- ii) Encik Ahmad Aizat bin Noorzainee Shah
Penolong Pengarah

Hijrah Selangor

- i) Normaiza binti Hj. Yahya
Ketua Pegawai Operasi
- ii) Arba'ain bin Abdul Rahman
Pengurus Kewangan

Selangor Information Technology And E-commerce Council (SITEC)

- i) Encik Loo Chuan Boon
Pengurus (General Manager)